

jelajah

kembara

# Jalan berliku uji kesabaran ke Cameron Highlands

→ Tumpuan pengunjung menikmati keindahan alam, udara segar

Oleh Zubir Mohd Yunus  
zubir\_yunus@bh.com.my

Udara yang nyaman dan dingin di Cameron Highlands, Pahang, selain menyajikan keindahan flora serta fauna termasuklah panorama memukau 'permaidani' hijau ladang teh yang terletak di lereng bukit Sungei Palas, adalah tarikan utama untuk berkunjung ke sana atau menghabiskan percutian hujung minggu bersama keluarga di tanah tinggi itu.

Perjalanan dari Kuala Lumpur,

tidaklah begitu jauh sekitar dua jam lebih saja, anda berpeluang menikmati pemandangan yang memukau!

Ada dua jalan ke Cameron Highlands, iaitu dari Tapah yang berliku-liku dan sempit. Laluan lain dari Simpang Pulai, perjalanannya jauh sedikit, tapi lebih selamat dan selesa.

Sekiranya menggunakan laluan Tapah - Cameron Highlands terutama pada musim cuti, jalan ini begitu padat dengan deretan kenderaan.

Malah anda mungkin terkandas dalam kesesakan lalu-lintas yang 'parah' apabila banyak kenderaan yang berhenti di tepi jalan untuk membeli petai segar atau kraf tangan yang dijual oleh masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan.

## Boleh hilang mood keseronokan

Sudahlah jalannya sempit, laluan dua lorong, bertukar menjadi selorong saja!

Itu belum dikira pertambahan kenderaan berat seperti bas yang menggunakan laluan sama, menambahkan lagi 'sengsara' sepanjang perjalanan menuju ke Cameron Highlands.

Ini belum lagi dengan lori tangki minyak atau lori yang membawa muatan balak!

Kenderaan berat seperti ini hanya mampu bergerak perlahan apabila terpaksa 'memanjat' bukit menuju Cameron Highlands yang boleh menghilangkan mood keseronokan bercuti di tanah tinggi.

Bagi kenderaan persendirian yang mengekori dari belakang, bersabarlah kerana perjalanan anda masih panjang!

## Gerun berselisih kenderaan berat

Justeru, penulis berfikir banyak kali untuk membawa keluarga menikmati percutian di Cameron Highlands. Sekalipun dihidangkan dengan cuaca dingin dan panorama indah, namun terpaksa memandu berjam-jam sebelum sampai ke destinasi yang dituju, ada baiknya melupakan hasrat itu!



Tujuan percutian ke Cameron Highlands adalah mencari ketenangan dan keseronokan. Tapi, belum pun sampai di kemuncak Cameron Highlands, anda diuji dengan tekanan

Foto Asyraf Sawal



■ ■ Saya  
mengetahui  
keindahan Air  
Terjun Lata  
Iskandar  
daripada rakan-  
rakan senegara  
yang pernah  
berkunjung  
ke Cameron  
Highlands ■ ■

**Mohieddine Skender**  
Pelancong Algeria



*Taman rekreasi Air Terjun Lata Iskandar sepi apabila dikunjungi hari bekerja.*

## kembara

Fakta  
nombor

25 meter

ketinggian Air Terjun  
Lata Iskandar

170 km

jarak dari Kuala Lumpur

RM25

harga 600 gram  
strawberi dipetik sendiri

BH  
20/11/16  
ms 6-7



Daun salad spesies karang hijau tarik perhatian.

yang sangat hebat, iaitu berselisih atau mengekori kenderaan berat sepanjang laluan dari Tapah!

Sehubungan itu, disyorkan supaya kenderaan berat dan komersial yang menuju ke Cameron Highlands supaya menggunakan laluan Simpang Pulai. Walaupun agak jauh, namun risiko berlaku kejadian tidak diingini bersama kenderaan ringan seperti kereta persendirian, mampu dikurangkan.

Selepas 40 minit meninggalkan Tapah, anda akan sampai di taman rekreasi popular dikenali sebagai Air Terjun Lata Iskandar. Keadaan di kawasan berkenaan bertambah sesak apabila bas sekolah dan persiaran meletakkan kenderaan mereka sesuka hati membuatkan laluan menjadi semakin sempit.

Jika hendak mandi dengan tenang, disirami kesegaran dan kedinginan air terjun yang berpunca dari atas bukit, berkunjunglah ke sana pada hari bekerja, mungkin kolam air terjun itu menjadi milik persendirian anda!



Peningapan mewah bentuk kolonial di Kebun Teh Sungei Palas.



**Gerai menjual** kraf tangan di sekitar lata Iskandar.



**Pengunjung** tidak lepas peluang beli strawberi segar.

## Teruja keindahan Lata Iskandar

**Penulis** sempat bertemu dengan dua pelancong asing yang leka mandi-manda di Lata Iskandar.

Mohieddine Skender dari Algeria mengakui beliau mengetahui keindahan Air Terjun Lata Iskandar daripada rakan-rakan senegara yang pernah berkunjung ke Cameron Highlands.

Menurutnya lagi, beliau dalam rangka percutian selama sebulan ke Malaysia dan dalam masa sama menghabiskan masa empat hari di tanah tinggi itu.

Rakannya, Fares Mohamed dari Yaman, teruja melihat pelbagai makanan tradisional seperti pisang

goreng dan kraftangan unik yang dijual di tepi jalan.

Beliau sempat bertanya kepada penulis, apakah makanan wajib cuba ketika berada di Cameron Highlands nanti, penulis memberi cadangan, cendawan goreng yang boleh diperolehi di Pasar Malam Brinchang.

### **Menikmati strawberi segar**

Tidak sah lawatan ke Cameron Highlands jika tidak berkunjung ke Kebun Teh Sungei Palas. Nikmatilah pemandangan indah dan *berselfie* sepuas hati!

Destinasi lain apabila berkunjung ke Brinchang ialah

Taman Agro Tourism atau lebih dikenali sebagai Big Red Strawberry Farm iaitu ladang strawberi dan sayur-sayuran.

Pelancong berpeluang memetik sendiri strawberi ranum, lalu dinikmati begitu saja, memang manis rasanya! Boleh juga menikmati jus atau ais krim strawberi di kafe berdekatan.

Ada juga dalam kalangan pengunjung yang begitu teruja melihat kesegaran sayur-sayuran di kawasan berkenaan seperti daun salad yang terdiri daripada spesies karang merah dan karang hijau. Umpama permaidani merah dan hijau di sekitar kawasan berkenaan.



**Suasana romantik** di kebun bunga dan sayur-sayuran.